

24.8.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

SILA RUJUK TERUS PUSAT KHIDMAT PELANGGAN PBAPP MENGENAI ISU BIL AIR PULAU PINANG

- **Kebanyakan isu bil timbul daripada faktor-faktor yang berkaitan dengan prosedur operasi PKP, anggaran bil, kitaran bil dan peningkatan penggunaan isi rumah ketika tempoh PKP.**
- **PBAPP hanya boleh memberi penjelasan isu bil spesifik secara individu, bergantung kepada faktor-faktor spesifik.**

PULAU PINANG, Isnin, 24.8.2020: Pengguna air Pulau Pinang yang memohon penjelasan mengenai bil air Pulau Pinang mereka ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) harus terus mengunjungi Pusat Khidmat Pelanggan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

Kami faham mungkin ada beberapa salah faham mengenai bil penggunaan air ketika PKP dan PKP Bersyarat (PKPB) dari 18.3.2020 hingga 9.6.2020 kerana:

- Operasi bacaan meter PBAPP dihentikan sementara, untuk memastikan keselamatan orang awam dalam tempoh 23.3.2020 – 31.5.2020;
- PBAPP mengeluarkan bil anggaran pada tempoh berkenaan;
- Bil anggaran kemudian “dipotong” apabila operasi bacaan meter sebenar disambung semula dari 1.6.2020.
- Terdapat bil yang mungkin nampak “lebih tinggi” kerana bil itu dikeluarkan untuk penggunaan air terkumpul untuk tempoh yang lebih lama, dan bukan hanya sebulan.

Harus diingat bahawa di Pulau Pinang, kitaran bil untuk premis DOMESTIK adalah setiap dua bulan (atau dua bulan sekali).

Inilah sebabnya pengguna-pengguna yang memohon penjelasan mengenai bil air mereka perlu merujuk terus Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP.

Kakitangan khidmat pelanggan kami akan merujuk setiap bil secara spesifik sebelum mereka dapat mengesan, menyelidiki dan menjelaskan faktor-faktor tertentu berkaitan bil berkenaan. Ini adalah kaedah terbaik untuk menyelesaikan masalah itu. Pasukan kami telah membantu menyelesaikan hampir semua masalah bil air yang dibangkitkan sejak 1.6.2020.

9 pusat khidmat pelanggan PBAPP di Pulau Pinang dibuka (dari 8.30 pagi - 4.30 petang, Isnin - Jumaat): terdapat di Komtar, Rifle Range, Bayan Baru, Balik Pulau, Taman Selat, Kompleks Perai, Kepala Batas, Bukit Mertajam dan Jawi.

Untuk pertanyaan “tanpa kontak”, pengguna air juga boleh menghubungi Pusat Panggilan 24 jam PBAPP (no. tel. 04 255 8 255). Pastikan anda mempunyai segala maklumat dan dokumen yang berkaitan.

Tiada Semakan Tarif, Tiada Caj Baharu pada tahun 2020

Kami memohon sokongan dan kerjasama dari semua pengguna air Pulau Pinang untuk memahami bahawa protokol, prosedur dan operasi pengebilan air biasa PBAPP terganggu sepanjang tempoh PKP.

Terdapat bil air Pulau Pinang yang nampak “abnormal” untuk tempoh 23.3.2020 – 1.6.2020 kerana tempoh ini adalah sebenarnya tempoh yang amat luar biasa dalam sejarah Pulau Pinang dan dunia.

Bukan dasar dan tidak pernah menjadi dasar kami untuk “terlebih mengebil” pengguna air di Pulau Pinang untuk perkhidmatan bekalan air berterusan 24/7 sepanjang tempoh PKP. Izinkan saya untuk menyatakan dengan jelas 3 fakta utama berikut:

1. Tiada semakan tarif air baharu di Pulau Pinang pada tahun 2020, oleh itu tarif air kekal sama seperti tahun 2019;



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

2. PBAPP tidak menukar dasar pengebilan untuk perkhidmatan bekalan air pada tahun 2020, oleh itu, tiada sebarang caj tambahan berbanding tahun 2019; dan
3. Sebilangan isi rumah di Pulau Pinang mungkin menggunakan lebih banyak air sepanjang tempoh PKP kerana semua orang berusaha untuk duduk di rumah untuk kekal selamat dari pandemik global COVID-19.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my